



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	14/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JMG			

Khazanah 23 gua batu kapur Perlis terbiar?

UM, 14 Sept
2021 12

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Terdapat 23 gua batu kapur yang mempunyai nilai arkeologi purba dan khazanah bersejarah perlombongan bijih timah di negeri ini sejak tahun 1909 terbiar sekali gus dikhuatiri mengandungi risiko dicero-bohi pihak tertentu untuk mendapatkan peninggalan warisan tersebut.

Gua-gua tersebut wujud di sepanjang Banjaran Nakawan dari Kuala Perlis sehingga Wang Kelian, Padang Besar sejauh 36 kilometer dan terkenal dalam kalangan rakyat di negeri ini yang didakwa mempunyai sejarah warisan geologi yang dikatakan berusia ratusan juta tahun.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengasas Perlis Nature and Wildlife (PNW), Syamil Abd. Rahman berkata, hasil kajian dan pemetaan yang dibuat sejak setahun lalu mendapati kebanyakan gua lombong bijih timah di Perlis terbiar tanpa usaha menjaga warisan berkenaan.

Katanya, hanya Gua Kelayam 1 dan Gua Kelayam 2 sahaja yang dijaga dan dijadikan lokasi pelancongan oleh kerajaan negeri setakat ini, manakala 23 gua batu kapur lain yang ada dalam rekod, dilihat terbiar.

"Ini akan menyebabkan risiko pencero-bohan dan kecurian khazanah tanpa kawalan. Gua-gua batu kapur di sini mempunyai nilai dari segi sejarah, budaya, arkeologi serta warisan geologi berusia ratusan juta tahun.

"Sistem gua-gua batu kapur itu juga menjadi habitat flora dan fauna. Sejak tahun 1985 apabila aktiviti perlombongan itu dihentikan, kawasan gua-gua itu terus terbiar. Apa yang merisaukan, tanpa pengawasan



AHLI-AHLI Perlis Nature and Wildlife (PNW) meninjau keadaan di hadapan laluan masuk ke gua batu kapur yang merupakan salah satu lokasi bekas lombong bijih timah di Wang Ulu, Bintong, Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

sekali lagi kita akan melalui zaman kehilangan khazanah semula jadi yang bernilai ini.

"Apabila berlaku keadaan tersebut boleh mengundang kecurian khazanah bernilai seperti kristal, peralatan (melombong bijih timah), hidupan akuatik yang dikomersilkan dan pelbagai lagi jenis flora serta fosil," katanya di sini, semalam.

Menurut Syamil, lokasi gua batu kapur terbiar itu dikatakan bermula dari Kaki Bukit, Wang Mu dan Wang Ulu di sini yang merupakan gua paling hujung di Banjaran Nakawan itu.

Beliau berkata, suatu ketika dahulu, gua-gua berkenaan menjadi lokasi terkenal aktiviti perlombongan bijih timah berkualiti tinggi.

Difahamkan, Nakawan meru-



PENGASAS Perlis Nature and Wildlife (PNW), Syamil Abd. Rahman menemukan pam air dan kotak fuis dipercayai antara peralatan yang digunakan untuk aktiviti melombong biji timah yang terbiar di Wang Ulu, Bintong, Kangar, Perlis, semalam.

pakan banjaran batu kapur terpanjang dan tertua di Malaysia yang dipercayai berusia 499 juta

tahun. Aktiviti perlombongan tersebut mencapai kemuncaknya

sekitar tahun 1960-an dan 70-an sebelum terhenti sepenuhnya akibat pasaran harga bijih timah dunia jatuh pada tahun 1985.

Jelas Syamil, uniknya, aktiviti bijih timah di Perlis berbeza dengan negeri-negeri lain seperti di Lembah Kinta Perak, Sungai Leming, Pahang, Selangor dan Kuala Lumpur.

Beliau berkata, sebaliknya, kerja-kerja melombong bijih timah di Perlis menggunakan sistem jaringan sungai bawah tanah yang dipam keluar bersama serpihan mineral atau tanah.

"Namun, aktiviti di gua itu lebih berisiko dengan kebanyakan masa pelombong dihentikan selama berbulan-bulan di dalam gua," jelasnya.

Justeru, beliau berharap gua-gua batu kapur tersebut diwartakan sebagai tapak warisan negeri.

Katanya, langkah tersebut penting bagi menjaga khazanah dan warisan gua-gua batu kapur berkenaan yang cukup unik selain mempunyai nilai sejarah tersendiri.

"Kita tidak mahu gua-gua tersebut dan kawasan sekitarnya musnah akibat 'tangan-tangan manusia ini' selain melindungi alam semula yang cukup indah di kawasan itu.

"Bayangkan, tidak banyak tempat aktiviti perlombongan bijih timah ini dilakukan di dalam gua yang mempunyai sungai bawah tanah dan daripada situ sudah cukup menggam-barkan betapa uniknya gua-gua batu kapur di negeri ini.

"Apabila diwartakan sebagai warisan negeri, risiko pencero-bohan dan kecurian khazanah bernilai ini dapat dikurangkan dengan penguat kuasaan serta pendedahan kepada masyarakat akan kepentingannya," katanya.

